

PENGENALAN UNIT MAKMAL SAINS

Unit Makmal Sains mula beroperasi pada tahun 2009. Operasinya terdiri daripada 5 skop tugas utama iaitu Pengurusan Pengajaran & Pembelajaran Makmal (Kelas Amali & Projek Penyelidikan Pelajar), Pengurusan Sumber & Am, Pengurusan Bekalan, Pengurusan Harta & Fasiliti dan Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) Makmal adalah berhubung secara langsung dengan Pusat Pengajian Teknologi Tekstil & Pakaian, Pusat Pengajian Teknologi Makanan, Pusat Pengajian Fizik & Bahan, Pusat Pengajian Biologi, Pusat Pengajian Kimia & Alam Sekitar, Pusat Pengajian Siswazah, Bahagian Hal Ehwal Akademik, Pejabat Bendahari, Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Sub JKPP Makmal dalam memastikan kelancaran proses pembelajaran dan pengajaran di makmal sains bagi program Ijazah Kedoktoran (PhD), Ijazah Sarjana, 3 program Ijazah Sarjana Muda iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia dengan Pengurusan (AS222), Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi (AS201), Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Teknologi Makanan (AS 246), 3 program diploma iaitu Diploma Mikrobiologi (AS114), Diploma Teknologi Makanan (AS116), dan Diploma Teknologi Tekstil dan Pakaian (AS122), 1 Program Pra Diploma Sains (AS007/008) dan 1 Program Pra Diploma Sains (Aliran STEM C) (AS002). Selain itu, Unit Makmal Sains juga dipertanggungjawabkan dalam aspek pematuhan kepada pelaksanaan akta dan undang-undang yang berkaitan operasi makmal sains di UiTM CNS Kampus Kampus Kuala Pilah. Unit Makmal Sains UiTM CNS secara keseluruhannya mempunyai 61 ruang operasi yang terdiri daripada 38 Makmal, 2 Bengkel Kejuruteraan Tekstil, 7 Bilik Penyediaan, 13 Stor Penyimpanan Bekalan dan 1 Stor Sisa Terjadual.